

## **Kegiatan Terjemahan Ulama Melayu Nusantara Abad ke 16-19 Masihi Menurut Perspektif Sarjana Melayu Semasa**

### **Translation Activities By Ulama (Religious Scholar) of Malay Archipelago in The 16th-19th Century According to The Perspective of Contemporary Malay Scholars**

Suhaila Zailani @ Ahmad  
suzail@ukm.edu.my

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

Nurul Wardah Nazifah Razali  
wardatunnazifatun@yahoo.com

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

#### **Abstrak**

Kegiatan menterjemah di Alam Melayu bermula dan berkembang seiring dengan keperluan terhadap sumber-sumber dalam pembelajaran dan perkembangan agama Islam. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan tentang sejarah kegiatan penterjemahan di Alam Melayu serta mengenal pasti karya-karya terjemahan yang dihasilkan oleh Ulama Nusantara sekitar abad ke-16 sehingga abad ke-19. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpulkan melalui kaedah kepustakaan dengan mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti buku-buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Data-data yang didapati disintesis dan dianalisis secara deskriptif dengan menggabungkan beberapa idea, pandangan dan dapatan kajian lepas bagi menghasilkan suatu gambaran yang menyeluruh berkaitan kegiatan terjemahan Ulama Melayu Nusantara sekitar abad ke 16-19nMasihi. Hasil kajian mendapati bahawa kegiatan penterjemahan di Alam Melayu bermula dari abad ke-16 dan semakin berkembang pada abad ke-17, 18 dan 19. Perkembangan kegiatan terjemahan ini seiring dengan pertambahan bilangan kary terjemahan yang dihasilkan. Bilangan karya terjemahan yang kurang pada abad ke-16 dan kemudiannya semakin bertambah terutamanya pada abad ke-19. Karya yang dihasilkan juga merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti Fiqh, Aqidah, Tasawuf, Tafsir dan sebagainya. Selain itu, beberapa kecenderungan Ulama Melayu Nusantara dalam mempergiat tradisi terjemahan dikenal pasti. Antaranya, kecenderungan menamakan karya terjemahan mereka

dalam bahasa Arab dan kitab *Ihya' Ulum al-Din* karya al-Ghazali menjadi pilihan utama para ulama untuk diterjemah.

**Kata kunci: Terjemahan, Ulama Melayu Nusantara, Perspektif, Sarjana Melayu Semasa**

**Abstract**

Translation activities in malay archipelago had just begun since the days when there was a need for many sources to learn and develop Islam. The purpose of this study is to explain the history of translation activities in malay archipelago and to identify the translation works produced by local scholars in 16th -19th century. This study was conducted using the qualitative approach as the method. Data were collected via literature review by using the scientific books, journals, articles and reports. The obtained data was analyzed descriptively and it also combined with ideas, views and previous studies. This was aimed to give an overview of the Malay scholar translation activities in the 16-19th century. The result indicated that the translation activities in malay archipelago started in 16th century and was growing in the 17th, 18th, and 19th century. The growth of the translation activities was in line with the increase of translation works. The number of works which is lack in the 16th century was increasing in the 19th century. The works included the variety of disciplines such as Fiqh, Aqeedah, Sufism, Tafseer and etc. In addition, the result also identified the inclination of malay scholar in intensifying the tradition of translation. For example, the scholars inclined to name their translation works in Arabic and *Ihya' Ulum al-Din* as the work of al-Ghazali become the preferred option for them to translate.

**Keyword:** Translation, Malay Scholar, Perspective, Contemporary Malay Scholar

**PENDAHULUAN**

Perkembangan intelektual Islam di Nusantara melalui beberapa proses historis. Menurut pandangan beberapa orang sarjana seperti Arnold dan sebahagian sarjana Indonesia-Malaysia, Islam telah tersebar ke tanah Melayu sejak abad ke-7 lagi. Walaupun tidak terdapat catatan kukuh yang menunjukkan kedatangan Islam ke Nusantara bermula pada Abad ke-7, namun terdapat catatan daripada sumber-sumber Cina yang menguatkan teori tersebut. Teori kedatangan Islam dari Arab ini juga disokong oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988). Beliau menyatakan bahawa sebelum abad ke-17, tidak terdapat karya-karya literatur keagamaan Islam yang berasal dari India. Malah kebanyakan pengarang karya yang dipandang oleh sarjana Barat adalah terdiri daripada pengarang dari Arab dan Parsi (Azyumardi 2005: 6-9).

Hubungan antara Timur Tengah dan Nusantara ini boleh disimpulkan kepada beberapa fasa iaitu pada abad ke-8 sehingga abad ke-12, merupakan fasa perhubungan melalui perdagangan. Abad seterusnya sehingga abad ke-15 pula, hubungan semakin meluas dari aspek bermulanya penyebaran Islam oleh para pedagang dan pengembara sufi di pelbagai wilayah Nusantara (Azyumardi

2005: 49). Pada abad ke-16 dan 17 pula, kegiatan penyebaran dakwah berlangsung dan beberapa ajaran turut diperkenalkan di Indonesia. Antaranya ialah ajaran tasawuf wujudiyah Ibn Arabi, al-Jilli dan Buanpuri yang diperkenalkan oleh Hamzah Fansuri dan Samsuddin Sumatrani. Beberapa buah buku keislaman turut ditulis dalam proses penerimaan pengetahuan Islam dari Timur Tengah.

Di samping penyebaran Islam, hubungan semakin meluas dengan terjalinnya hubungan dari aspek politik. Pada abad ke 18 pula, semakin ramai jemaah haji dari Nusantara yang bermukim di Mekah dan Madinah untuk mempelajari ilmu agama Islam. Antaranya ialah Shaykh Abdul Samad al-Palimbani dan Shaykh Muhammad Arsyad al-Banjari yang merupakan tokoh pendakwah Islam di Nusantara. Hubungan yang terjalin antara Indonesia dan Timur Tengah adalah semakin kuat pada abad ke-19. Pada abad ini, terdapat juga dalam kalangan ulama Nusantara yang diangkat sebagai ulama terkenal dan disegani di Haramain. Antara mereka ialah Shaykh Ahmad Khatib Sambas, Imam Nawawi, Shaykh Mahfudz al-Tirmasi dan lain-lain (Abdul Munip 2006).

Pada zaman Kesultanan Melaka, istana berfungsi sebagai pusat pengajian Islam di samping menjadi pusat penyimpanan bahan pengajaran. Selain itu, istana juga merupakan pusat penterjemahan dan penyalinan kitab (Ismail 1985). Pada mulanya, Islam disebarluaskan melalui lisan. Kemudian, Islam terus dikembangkan lagi menerusi penulisan. Masyarakat Melayu yang berkebolehan membaca dan menulis, mencatat ajaran-ajaran guru di dalam kitab-kitab dengan tulisan tangan. Perkembangan pengajian Islam pada mulanya adalah tertumpu kepada perkara-perkara asas dalam agama, iaitu Fardhu ain dan kemudiannya berkembang kepada pengajaran melalui kitab-kitab berbahasa Arab dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu. Pengajian Islam bukan sahaja dijalankan di istana, malah surau, madrasah, masjid, pondok dan rumah-rumah persendirian juga turut digunakan untuk pengajian kitab-kitab agama dan Al-Qur'an.

Proses penyebaran Islam di Nusantara berkembang daripada berdakwah melalui lisan kepada tulisan. Banyak karya-karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan tentang agama Islam. Seiring dengan penyebaran agama Islam yang semakin meluas di Alam Melayu, masyarakat Islam di Alam Melayu memerlukan kepada sumber pembelajaran agama Islam. Oleh itu, muncul karya-karya terjemahan yang dihasilkan oleh ulama Nusantara yang bertujuan memudahkan kefahaman bagi masyarakat Islam di Alam Melayu yang kurang mahir dalam bahasa Arab.

## KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang menunjukkan bahawa berlakunya aktiviti terjemahan dalam kalangan Ulama Melayu Nusantara sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Antaranya artikel Abdul Munip (2006), Oman Fathuraman (2009) dan Monique Zaini (2009). Menurut Abdul Munip (2006), tradisi penterjemahan berfungsi sebagai alat untuk memindahkan ilmu pengetahuan. Faktor yang mendorong para ulama menghasilkan terjemahan adalah kerana terdapat ramai orang Indonesia yang masih belum mampu memahami teks-teks agama Islam

dalam bahasa Arab. Beliau turut membahagikan sejarah penterjemahan di Indonesia kepada empat bahagian iaitu *pionerry periods, growing periods, acceleration periods* dan *liberation periods*.

Kajian Abdul Munip (2006) mendapati bahawa naskah-naskah terjemahan dalam bahasa Indonesia masih lagi diwarnai dengan ciri-ciri kearaban. Antara ciri-ciri tersebut ialah judul yang digunakan masih dalam bahasa Arab dan huruf Arab yang digunakan disesuaikan dengan sebutan Melayu atau Jawa yang dikenali dengan huruf Arab Pegon. Selain itu, pendekatan *harfiah* atau *literal translation* digunakan secara meluas dan melatari karya-karya terjemahan tersebut.

Kajian Monique Zaini (2009) juga mengukuhkan fakta bahawa aktiviti terjemahan bukan sahaja berlaku dalam kalangan ulama Indonesia, bahkan tradisi ilmu ini turut berkembang di Malaysia pada sekitar abad ke-19 dan awal abad ke-20 sampai tahun 1930-an. Hal ini dibuktikan melalui penghasilan karya terjemahan dalam pelbagai bahasa. Selain itu, dapatan kajian beliau membuktikan bahawa terjemahan memainkan peranan penting dalam menyampaikan isi pemberitaan dan juga berperanan dalam aspek peristilahan, ungkapan dan gagasan yang dimasukkan ke dalam Bahasa Melayu.

Kajian Oman Fathuraman (2009) pula membahaskan tentang tradisi penerjemahan kitab-kitab berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dengan mengambil contoh terjemahan yang dilakukan oleh tiga orang ulama Palembang iaitu Shihabuddin bin Abdullah Muhammad, Kemas Fakhruddin dan Shaikh Abdussamad al-Palimbani. Dua karakteristik dasar penerjemahan yang digunakan oleh ulama Palembang turut dibincangkan, iaitu model terjemahan bebas dan model terjemahan antarbaris.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian di atas, kajian ini dilakukan untuk menjelaskan sejarah kegiatan penulisan dan penterjemahan Ulama Melayu Nusantara antara abad ke 16-19 Masihi dan mengenal pasti karya-karya terjemahan yang dihasilkan oleh ulama Nusantara pada abad ke-16 sehingga ke abad ke-19.

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan melakukan tinjauan terhadap ulasan kepustakaan dengan merujuk kepada buku-buku, artikel serta ensiklopedia yang berkaitan dengan karya penterjemahan di Alam Melayu sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19 Masihi sebagai kaedah pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah deskriptif.

## **SEJARAH KEGIATAN PENULISAN DAN PENTERJEMAHAN**

Kegiatan penulisan dan penterjemahan telah mula bergiat sejak abad ke-16 hasil daripada penyebaran Islam di Nusantara. Kegiatan penyebaran agama Islam tersebut juga telah melahirkan ramai tokoh-tokoh yang bukan sahaja aktif dalam menyebarkan dakwah, bahkan juga aktif dalam kegiatan menghasilkan karya-karya yang menjadi panduan kepada masyarakat Islam di Nusantara. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah Shaykh Hamzah al-Fansuri, Shaykh Shamsuddin al-

Sumatra'i, Shaykh Nuruddin al-Raniri dan Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili.

Karya terjemahan oleh Nuruddin al-Raniri yang bertajuk '*Aqa'id al-Nasafi*' merupakan terjemahan kepada karya asli '*Aqa'id*' yang ditulis oleh al-Nasafi. Karya ini merupakan karya terjemahan tertua di Nusantara (Zulkifli & Wan Nasryrudin 2005). Selain itu, antara karya yang dihasilkan ialah *Tarjuman al-Mustafid* oleh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili. Karya ini dikatakan sebagai karya terjemahan tafsir pertama yang dihasilkan iaitu pada tahun 1675. Namun, sebelum karya ini dihasilkan, terdapat juga beberapa karya yang telah dihasilkan berkaitan dengan teks-teks dalam bahasa Arab. Namun, kebanyakan karya Melayu tersebut tidak dapat dikenal pasti tentang penulisnya serta tarikh penghasilannya (Abdul Munip 2006).

Terdapat beberapa pendapat berkaitan sejarah penterjemahan di Alam Melayu. Antaranya adalah berdasarkan kajian oleh Abdul Munip (2006). Menurut beliau sejarah penterjemahan di Indonesia boleh dibahagikan kepada empat bahagian mengikut masa. Tempoh sebelum tahun 1950, kebanyakan karya terjemahan yang dihasilkan disalin dengan tulisan tangan. Karya-karya terjemahan serta saduran daripada karya-karya bahasa Arab atau Parsi yang dihasilkan pada abad ke-16 pula menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Indonesia sudah mula menerima ajaran Islam. Pada abad tersebut juga terdapat karya Melayu dan Jawa yang telah dibawa ke Eropah. Antara karya Melayu yang dimaksudkan ialah dua hikayat yang bertemakan Islam, sebuah kitab pernikahan yang diterjemahkan secara antara baris serta sebuah terjemahan syair-syair pujian terhadap Nabi. Karya Jawa yang dimaksudkan pula ialah Wejangan Seh Bari yang disebut di dalamnya dua kitab, iaitu *Tamhid*, kitab *al-Taqrib* yang merupakan karya terjemahan antara baris serta kitab *al-Idhah fi al-Fiqh* (Abdul Munip 2006).

Menurut A.H. Johns (2009) pula, berdasarkan bukti-bukti terjemahan yang dijumpai sejak permulaan kegiatan penerjemahan di Alam Melayu, terdapat empat tahap perkembangan penerjemahan Arab-Melayu. Tahap pertama merupakan penerjemahan lisan kutipan-kutipan pendek al-Qur'an ke dalam bahasa setempat. Tahap kedua merupakan tahap perkembangan, iaitu tulisan Arab semakin dikenal, digunakan secara meluas serta diadaptasi untuk menulis dalam bahasa tempatan. Tahap ketiga, munculnya terjemahan antara baris lengkap bagi seluruh teks. Manakala pada tahap keempat pula, terdapat penulisan buku-buku berbahasa Arab oleh penulis Melayu yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Pada tahap inilah, semakin banyak karya asli berbahasa Melayu ditulis berdasarkan teks-teks dasar agama Islam.

Kegiatan penulisan di Alam Melayu bukan sahaja dalam menghasilkan karya-karya asli dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu, tetapi berlaku kegiatan terjemahan. Terdapat kegiatan menterjemah karya-karya ulama dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu. Antara tujuan karya-karya tersebut diterjemahkan adalah membantu masyarakat Islam di Alam Melayu yang rata-ratanya tidak mahir dalam bahasa Arab dapat memahami kandungan sesebuah karya Islam yang ditulis oleh ulama Timur Tengah. Kegiatan penterjemahan yang bermula pada abad ke-16 ini

diteruskan sehingga abad ke-19 oleh ulama-ulama pada zaman tersebut dalam usaha menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat di alam Melayu. Karya-karya tersebut merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti Tauhid, Tasauf, Fiqh dan sebagainya. Sehingga kini, karya-karya tersebut masih lagi dijadikan sebagai rujukan dalam pembelajaran terutamanya di pondok-pondok serta masjid tertentu.

## **ULAMA NUSANTARA ABAD KE 16 SEHINGGA ABAD KE 19**

Penyebaran Islam di Nusantara telah melahirkan ramai ulama Nusantara yang bukan sahaja menyebarkan dakwah melalui lisan, malah juga melalui tulisan. Tradisi intelektual oleh ulama Nusantara ini telah dipelopori sejak abad ke-16 dan ke-17 Masihi. Di antara pelopornya ialah Hamzah al-Fansuri, Syamsuddin Sumatrani, Nuruddin al-Raniri dan juga Abdul Rauf al-Singkili.

Karya Nuruddin al-Raniri yang bertajuk '*Aqaid al-Nasafi*' dikatakan sebagai karya tertua di Nusantara terutamanya dalam bidang akidah (Jabal 2016). Karya ini dihasilkan pada abad ke-16 dan merupakan terjemahan kepada kitab '*Aqaid karya al-Nasafi*'. Sementara itu, *Tarjuman al-Mustafid* karya Abdul Rauf al-Singkili pula merupakan kitab tafsir Melayu pertama yang dihasilkan di Nusantara. Karya ini dihasilkan pada abad ke-17 (Zulkifli & Wan Nasyrudin 2005: 157).

Kegiatan intelektual ini diteruskan lagi pada abad ke-18 dan 19. Antara ulama-ulama terkenal pada abad ke-18 dan 19 ini ialah Syihab al-Din bin Abd Allah Muhammad, Kemas Fakhr al-Din, Abd Samad al-Palimbani, Kemas Muhammad b. Ahmad dan Muhammad Muhyi al-Din bin Syihab al-Din, Muhammad Arsyad al-Banjari, Muhammad Nafis al-Banjari, 'Abd al-Wahhab al-Bugisi, 'Abd al-Rahman al-Mashri al-Batawi dan Daud bin 'Abd Allah al-Fatani. Sebahagian daripada mereka berasal dari Palembang, Kalimantan Selatan dan wilayah Patani (Azyumardi 2005).

Shaykh Daud al-Fatani terkenal dengan sumbangannya dalam menghasilkan penulisan. Beliau telah menghasilkan sebanyak 57 karya asli termasuk risalah dan karya-karya terjemahan (Saref & Faisal 2014: 111). Karya beliau yang bertajuk *Hidayah al-Muta'allim wa 'umdat al-Mu'allim* merupakan kitab Melayu dan jawi yang paling lengkap dalam bidang ilmu fiqh (Sharifuddin 2013).

Ulama-ulama Melayu Nusantara memainkan peranan penting dalam menyebarkan dakwah di alam Melayu. Selain itu, mereka turut memberi sumbangan dalam bidang-bidang lain seperti politik, ekonomi, intelektual dan sebagainya. Ulama-ulama tersebut menghasilkan banyak karya asli dalam pelbagai bidang dalam usaha menyebarkan dakwah Islam. Selain daripada karya asli tersebut, mereka juga turut menghasilkan karya terjemahan daripada karya asli ulama dari Timur Tengah. Karya yang dihasilkan dijadikan sebagai rujukan di Nusantara terutamanya dalam pengajaran di pondok-pondok, masjid dan lain-lain di Nusantara.

## **KEGIATAN TERJEMAHAN ULAMA MELAYU NUSANTARA ABAD KE 16 -19 MASIHI**

Selain daripada menghasilkan karya asli dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, ulama Nusantara juga turut menghasilkan karya terjemahan. Karya terjemahan ini pula terdiri daripada dua jenis. Jenis pertama, karya asli dwi bahasa (bahasa Arab dan bahasa Melayu) dan jenis kedua, karya terjemahan. Antara karya asli dwi bahasa ialah '*Umdat al-Muhtajin*' yang ditulis dalam dua warna. Tulisan khat bebas berwarna merah ialah tulisan Arab yang digunakan untuk penulisan Hadis Rasulullah S.A.W. dan kata-kata ulama Arab. Manakala, tulisan berwarna hitam pula ialah tulisan jawi (bahasa Melayu) digunakan untuk keseluruhan teks (Mohd Syukri, Fadzeli, Wan Nasyrudin & Salmah 2015: 173). Antara manuskrip yang merupakan karya terjemahan bagi karya asli ulama Timur Tengah ialah kitab *Hidayat al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin* karya Shaykh Abdul Samad al-Palimbani yang merupakan terjemahan kepada kitab *Bidayat al-Hidayat* karya al-Ghazali.

Jadual 1: Karya terjemahan Ulama Melayu Nusantara Abad ke 16 Masihi

Bil.	Karya Terjemahan/ Penterjemah	Karya Asal/ Pengarang
1.	'Aqa'id al-Nasafi - (Tidak diketahui siapa penterjemahnya)	'Aqa'id al-Nasafi - Abu Hafs bin Muhammad bin Muhammad Nasafi

Berdasarkan penelitian, hanya terdapat satu karya terjemahan sahaja pada abad ke-16, iaitu '*Aqa'id al-Nasafi*'. Karya berkaitan akidah ini selesai ditulis pada tahun 1590 M. Bagaimanapun, penterjemah bagi karya ini tidak dapat dikenal pasti (Syed Muhammad Naquib al-Attas 1988).

Jadual 2: Karya terjemahan Ulama Melayu Nusantara Abad ke 17 Masihi

Bil.	Karya Terjemahan/ Penterjemah	Karya Asal/ Pengarang
1.	<i>Durrat al-Fara'id bi Syarh al-'Aqaid</i> - Shaykh Nuruddin al-Raniri	<i>Sharh al-'Aqaid al-Nasafiyah</i> - Sa'd al-Din Mas'ud ibn 'Umar al-Taftazani
2.	<i>Mir'ah al-Tulab fi Tashili Ma'ritah Ahkam al-Shari'yyah li al-Mulk al-Wahhab</i> - Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili	<i>Fath al-Wahhab</i> - Zakaria al-Ansari
3.	<i>Lubb al-Kasyf wa al-Bayan lima Yarahu al-Muhtadhar</i> - Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili	<i>Tazkirah bi Umur al-Akhirah</i> - al-Qurtubi
4.	<i>Tarjuman al-Mustafid</i> - Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili	<i>Tafsir Jalalayn</i> - Jalal al-Din al-Syuyuti & Jalal al-Din al-Mahalli

Pada abad ke-17 pula terdapat empat manuskrip terjemahan yang iaitu *Durrat al-Fara'id bi Syarh al-'Aqaid* (Wan Mohd & Khalif 2009), *Mir'ah al-Tulab fi Tashili Ma'ritah Ahkam al-Shari'yyah li al-Mulk al-Wahhab* (Dicky 2013), *Lubb al-Kasyf wa al-Bayan lima Yarahu al-Muhtadhar* (Abdul Munip 2006) dan *Tarjuman al-Mustafid* (Zulkifli & Wan Nasyrudin 2005). Kitab *Sharh al-'Aqaid al-Nasafiyyah* merupakan kitab akidah yang selesai ditulis pada tahun 1637M (Wan Mohd & Khalif 2009). Shaykh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili menterjemahkan tiga buah kitab *Fath al-Wahhab* karangan Zakaria al-Ansari, *Tazkirah bi Umur al-Akhirah* tulisan al-Qurtubi dan *Tafsir Jalalayn*. Menurut Zulkifli & Wan Nasyrudin (2005), *Tafsir Jalalayn* merupakan karya Tafsir yang pertama di alam Melayu. Tafsir ini dinamakan begitu kerana ia ditulis oleh dua orang ulama bernama Jalal, iaitu Jalal al-Din al-Suyuti & Jalal al-Din al-Mahalli.

Jadual 3: Karya terjemahan Ulama Melayu Nusantara abad ke 18 Masihi

Bil.	Karya Terjemahan/ Penterjemah	Karya Asal/ Pengarang
1.	<i>Sayr al-Salikin ila Ibadat Rabb al-'Alamin</i> - Shaykh Abdul Samad al-Palimbani	<i>Ihya' Ulum al-Din</i> - al-Ghazali
2.	<i>Hidayat al-Salikin fi Suluki Maslakil Mutaqin</i> Shaykh Abdul Samad al-Palimbani	<i>Bidayat al-Hidayat</i> al-Ghazali

Pada abad ke-18, bilangan karya terjemahan yang dikenal pasti berkurangan kepada dua manuskrip sahaja, iaitu *Sayr al-Salikin ila Ibadat Rabb al-'Alamin* (Fauzi & Hasrul 2011) dan *Hidayat al-Salikin fi Suluki Maslakil Mutaqin* (Megawati 2014). Selain menterjemahkan karya al-Ghazali; *Ihya' Ulum al-Din*, Shaykh Abdul Samad al-Palimbani turut memuatkan pandangannya sendiri supaya pembaca yang tidak mahir berbahasa Arab mampu memahami huraihan karya tersebut (Fauzi & Hasrul 2011). Karya al-Ghazali kedua yang menarik minat Shaykh Abdul Samad al-Palimbani untuk diterjemahkan ialah *Bidayat al-Hidayat*. Kitab dalam bidang tasawuf ini selesai ditulis pada tahun 1778 M (Megawati 2014).

Jadual 4: Karya terjemahan Ulama Melayu Nusantara abad ke 19 Masihi

Bil.	Karya Terjemahan/ Penterjemah	Karya Asal/ Pengarang
1.	<i>al-Bahjatus Saniyah fil 'Aqaidis Saniyah</i> - Shaykh Daud al-Fatani	<i>Tahshilu Nailil Maram Syarh 'Aqidatil 'Awam</i> - al-Sayyid al-Syarif Ahmad al-Marzuqi
2.	<i>Minhaj al-'Abidin ila Jannati Rabb al-'Alamin</i> - Shaykh Daud al-Fatani	<i>Minhajul 'Abidin ila Jannati Rabbil 'Alamin</i> - al-Ghazali
3.	<i>Kanzul Minan 'ala Hikam Abu</i>	<i>Hikam Abi Madyan</i>

	<i>Madyan</i>	- Abi Madyan
4.	- Shaykh Daud al-Fatani <i>Munabbih al-Ghafilin</i> - Abd Samad Ibn Muhammad Salih al-Jawi al-Kelantani @ Tuan Tabal	<i>Ihya' 'Ulum al-Din &amp; Mishkat al-Anwar</i> - al-Ghazali
5.	<i>Minhat al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghabin fi al-Taqrif</i> - Abd Samad Ibn Muhammad Salih al-Jawi al-Kelantani @ Tuan Tabal	<i>Bidayat al-Hidayah, Minhaj al-'Abidin &amp; Ihya' 'Ulum al-Din</i> - al-Ghazali
6.	<i>Ayyuha al-Walad</i> - Wan Hasan ibn Wan Ishaq al-Fatani @ Tuan Hasan Besut	<i>Ayyuha al-Walad</i> - al-Ghazali
7.	<i>Munjiyat Methik Saking Kitab Ihya'</i> - Kyai Saleh Darat	<i>Kitab Ihya' 'Ulum al-Din</i> - al-Ghazali
8.	<i>Tarjamah Sabil Abid 'ala Jawhar al-Tawhid</i> - Kyai Saleh Darat	<i>Jawhar al-Tawhid</i> - Ibrahim al-Laqqani
9.	<i>Tarjamah Matan Hikam</i> - Kyai Saleh Darat	<i>Kitab Hikam</i> - Ibn 'Athaillah al-Sakandari

Sementara pada abad ke-19 pula, terdapat sembilan manuskrip terjemahan yang ditemui di dalam kajian ini. Tiga daripadanya diterjemahkan oleh Shaykh Daud al-Fatani, iaitu *al-Bahjatus Saniyah fil 'Aqaidis Saniyah* (Saref & Faisal 2014), *Minhaj al-'Abidin ila Jannati Rabb al-'Alamin* (Megawati 2014) dan *Kanzul Minan 'ala Hikam Abu Madyan* (Muaz 2009). Abd Samad Ibn Muhammad Salih al-Jawi al-Kelantani atau lebih dikenali sebagai Tuan Tabal pula menghasilkan dua terjemahan, iaitu *Munabbih al-Ghafilin* dan *Minhat al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghabin fi al-Taqrif* (Megawati 2014). Kyai Saleh Darat pula menterjemahkan tiga kitab, iaitu *Munjiyat Methik Saking Kitab Ihya'*, *Tarjamah Sabil Abid 'ala Jawhar al-Tawhid* dan *Tarjamah Matan Hikam* (Abdul Munip 2006). Manakala kitab *Ayyuha al-Walad* karangan al-Ghazali diterjemahkan dengan tajuk yang sama oleh Wan Hasan ibn Wan Ishaq al-Fatani atau lebih dikenali dengan nama Tuan Hasan Besut (Megawati 2014).

Berdasarkan kajian ini, abad ke-16 merupakan tempoh yang paling sedikit manuskrip terjemahan didapati iaitu satu manuskrip sahaja. Manakala abad ke-19 merupakan tempoh manuskrip terjemahan paling banyak ditemui iaitu sebanyak sembilan manuskrip.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan nahawa abad ke-16 merupakan fasa permulaan kegiatan penterjemahan dijalankan di Alam Melayu. Kemudian, kegiatan penterjemahan ini dikembangkan lagi oleh beberapa orang ulama pada abad ke-17. Manakala, pada abad ke-18 dan 19 pula, kegiatan penterjemahan ini turut

disertai oleh sebahagian ulama-ulama dari Palembang, Kalimantan Selatan serta Wilayah Patani.

Dapatan kajian kedua pula menunjukkan bahawa pada abad ke-16, karya terjemahan yang dihasilkan adalah kurang berbanding abad ke-17, 18 dan 19. Hal ini mungkin kerana kegiatan penterjemahan ini masih berada di peringkat permulaan. Kegiatan penterjemahan karya-karya berbahasa Arab semakin berkembang pada abad ke-17, 18 dan terutamanya abad ke-19. Jumlah karya terjemahan yang dihasilkan sekitar abad ke-19 juga semakin bertambah. Antara ulama Nusantara yang banyak menghasilkan karya terjemahan sekitar abad ke-16 sehingga abad ke-19 ialah Shaykh Abdul Rauf al-Singkili dan Shaykh Daud al-Fatani.

Walaupun karya terjemahan yang dihasilkan merangkumi pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu Fiqh, Aqidah, Tasawuf, Tafsir dan lain-lain lagi. Namun pengkaji mendapati kecenderungan ulama Melayu Nusantara pada abad 18 dan 19 adalah menterjemah kitab tasawuf karangan al-Ghazali. Kitab *Ihya' Ulum al-Din* mengungguli pilihan utama para ulama untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia atau bahasa Melayu.

Satu lagi kecenderungan Ulama Melayu Nusantara yang dikenal pasti adalah memberi tajuk baru atau lain bagi karya terjemahan mereka. Hanya satu karya terjemahan terjemahan menggunakan tajuk yang sama dengan kitab asal, iaitu *Ayyuha al-Walad*; kitab al-Ghazali yang diterjemahkan oleh Tuan Hasan Besut. Walaupun kitab asal yang keseluruhannya dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau Indonesia, namun kesemua penterjemah dilihat lebih cenderung menamakan karya terjemahan mereka dalam bahasa Arab. Hal ini berkemungkinan kerana mereka ingin membezakan antara karya tersebut adalah karya asli mereka atau karya terjemahan.

Usaha terjemahan yang dilakukan oleh para ulama Melayu Nusantara dahulu boleh diiktiraf sebagai salah satu usaha atau langkah terpuji mereka untuk menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat Melayu ketika itu yang rata-ratanya belum celik bahasa Arab. Kaedah terjemahan digunakan bagi memudahkan masyarakat Melayu memahami isi kandungan kitab yang ditulis oleh mereka.

## KESIMPULAN

Kegiatan penulisan dan penterjemahan di Alam Melayu timbul hasil daripada penyebaran Islam ke Alam Melayu. Di samping kedatangan pendakwah dari Timur Tengah ke Alam Melayu, terdapat juga antara ulama-ulama Melayu Nusantara yang menuntut ilmu di Timur Tengah. Mereka kemudiannya pulang ke Alam Melayu untuk menyebarkan dakwah Islam secara lebih meluas.

Pada mulanya, kegiatan penyebaran Islam di Alam Melayu dijalankan secara lisan, kemudian berkembang kepada bidang penulisan. Pengetahuan ulama Nusantara dalam pelbagai disiplin ilmu agama Islam dan juga kemahiran mereka dalam bahasa Arab membantu mereka dalam menghasilkan karya-karya

asli. Seterusnya, bidang penulisan ini berkembang kepada kegiatan penterjemahan oleh ulama Nusantara pada abad ke-16. Mereka menterjemahkan karya-karya ulama dari Timur Tengah yang berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu supaya masyarakat Islam di Alam Melayu dapat memahami kandungan kitab-kitab bahasa Arab tersebut dengan lebih mudah.

Kegiatan penterjemahan terus berkembang pada abad ke-17, 18 dan 19. Semakin banyak karya terjemahan yang dihasilkan. Kegiatan penterjemahan karya berbahasa Arab ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja terhad kepada karya yang ditulis oleh ulama Timur Tengah (Arab) tetapi juga meliputi karya berbahasa Arab yang dihasilkan sendiri oleh ulama Nusantara.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran Universiti Penyelidikan (kod projek: GUP-2015-016). Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdul Munip. (2006). Penerjemahan Buku Berbahasa Arab di Indonesia: Perspektif Historif. *Al-'Arabiyah*. 35(1): 17-41.
- Ahmad Sharifuddin Mustapha. (2013). *Kitab Hidayah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim* Karangan Sheikh Daud al-Fatani: Kajian Teks dan Analisis. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Asmah Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke- 16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu 'Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyumardi Azra. (2005). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII: Akar Pembaharuan Islam Indonesia*. Ulang cetak. Jakarta: Kencana.
- Dicky Wirianto. (2013). Meretas Konsep Tasawuf Syaikh Abdurrauf al-Singkili. *Islamic Movement Journal* 1(1): 103-116.
- Jabal Ali Sab. (2016). Manuskrip Tertua di Nusantara: 'Aqa'id al-Nasafi. *Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh*. <http://pdiaaceh.org/manuskrip-tertua-dinusantra-aqaid-al-nasafi/.html>. (12 April 2016).
- Johns, A.H. (2009). Penerjemahan Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu: Sebuah Renungan. Dlm. Loir, H.C. (pnyt.). *Sadur Sejarah Terjemahan di Indonesia dan Malaysia*, hlm. 49-58.
- Lajoubert, Monique Zaini. (2009). Terjemahan dalam Bahasa Melayu di Malaysia dari Abad ke-19 sampai Tahun 1930-an. Dlm. Loir, H.C. (pnyt.). *Sadur Sejarah Terjemahan di Indonesia dan Malaysia*, hlm. 823-834.
- Megawati Moris. (2014). The Malay Syarah (Commentary) of al-Ghazzali's Works (1700-1900). [http://myrepository.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1624/1/PAMM2014\\_Paper04.pdf.html](http://myrepository.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1624/1/PAMM2014_Paper04.pdf.html) (27 Julai 2015)
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. (2011). Pengaruh Pemikiran Akidah al-Ghazali dalam Kitab Jawi: Tinjauan terhadap *Kitab al-Durr al-Nafiss* dan *Sayr al-Salikin*. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN)* IV, hlm. 291-299.

- Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Mohammad Fadzeli Jaafar, Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Salmah Ahmad. (2015). *'Umdat al-Muhtajin: Panduan Perjalanan Rohani Masyarakat Alam Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muaz. (2009). Karya Ulama Patani dalam Ilmu Usuluddin dan Tasawuf. <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=6715.0.html> (3 Ogos 2016).
- Oman Fathuraman. (2009). Penulis dan Penerjemah Ulama Palembang. Dlm. Loir, H.C. (pnyt). *Sadur Sejarah Terjemahan di Indonesia dan Malaysia*, hlm. 1045- 1056.
- Saref Masae & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2014). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Sumbangannya dalam Pendidikan Islam di Pattani. *Jurnal al-Muqaddimah* 2 (2): 102-114
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1988). *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya.
- Wan Mohd Nor Wan Daud & Khalif Muammar. (2009). Kerangka Komprehensif Pemikiran Melayu Abad ke-17 Masihi Berdasarkan Manuskrip *Durr al-Fara'id* karangan Shaykh Nuruddin al-Raniri. *Sari-International Journal of Malay World and Civilisation*. 27(2): 119-146.
- Zulkifli Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. (2005). *Tarjuman al-Mustafid*: Satu Analisa terhadap Karya Terjemahan. *Jurnal Pengajian Melayu* 16: 155-173.

## Mengenai Penulis

Suhaila Zailani @ Ahmad (Ph.D) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau ialah terjemahan Arab-Melayu, Sosiolinguistik dalam Penterjemahan dan Kemahiran Bahasa Arab. Beliau boleh dihubungi melalui suzail@ukm.edu.my.

Nurul Wardah Nazifah Razali merupakan pelajar Sarjana di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian beliau berkaitan Teori terjemahan Arab-Melayu dalam manuskrip Ulama Melayu Nusantara dan kaedah penulisan karya asli dan karya terjemahan abad 16 hingga abad 19 Masihi. Beliau boleh dihubungi di wardatunnazifatun@yahoo.com.